

**PEKELILING PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN UiTM
BIL 1 / 2009**

Tarikh : 6 April 2009

Semua Pelajar
UiTM, SHAH ALAM

PERMOHONAN KOLEJ/PENDAFTARAN KOLEJ SESI JUN – NOVEMBER 2009

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan kolej akan dibuka mulai **20 April 2009** dan permohonan ditutup pada **30 April 2009**. Sehubungan dengan itu semua pelajar yang berminat bolehlah membuat permohonan secara 'on-line'. Sila ikuti arahan permohonan 'on-line' berikut:



Pelajar boleh menyemak status penempatan (**BERJAYA / GAGAL**) dengan melayari **Student Portal mulai 11 Mei 2009**. Bagi pelajar yang berjaya, **anda dikehendaki membuat setuju terima tawaran kolej. Pelajar yang membuat setuju terima sahaja yang akan diproses pra-pendaftaran**. Anda mesti **mencetak slip pra pendaftaran sebelum mendaftar**. Slip tersebut boleh dicetak mulai **30 Mei 2009**. Berikut adalah cara mencetak slip tersebut:



PENDAFTARAN SEMULA AWAL SEMESTER

- a. Bagi pelajar yang berjaya, anda dikehendaki membawa bersama slip pra pendaftaran dan 3 keping gambar pasport yang terkini semasa mendaftar. Bagi pelajar Ijazah yang berbayar, sila pastikan bayaran penginapan telah dijelaskan terlebih dahulu sebelum mendaftar. Anda boleh melayari laman web Bendahari mulai 5 Jun 2009 di <http://bursary.uitm.edu.my/bilpelajar/>. Kegagalan berbuat demikian dengan alasan terlupa atau tertinggal akan mengganggu dan menyukarkan proses pendaftaran pada semester hadapan.
- b. Adalah diingatkan supaya pelajar datang pada hari pendaftaran yang ditetapkan kerana pihak kolej / Universiti **tidak menyediakan kemudahan penginapan sebelum hari pendaftaran**. Untuk makluman, Kolej Kediaman akan digunakan bagi Program Minggu Mesra Siswa (**MMS**) seminggu sebelum tarikh pendaftaran pelajar lama.

TARIKH PERMOHONAN KOLEJ SESI JUN – NOVEMBER 2009

PERKARA	TARIKH	TINDAKAN
Pekeliling permohonan kolej dikeluarkan kepada pelajar.	13 April 2009	Kolej
Pelajar menyerahkan kad aktiviti kepada Pejabat Pengurusan Kolej	13 – 15 April 2009	Kolej/Pelajar
Permohonan kolej secara 'on-line' dibuka	20 April 2009	PSMB/Kolej/Pelajar
Permohonan 'on-line' ditutup	30 April 2009	PSMB
Proses menyemak/meluluskan permohonan kolej oleh pihak Pengurusan Kolej	01 – 08 Mei 2009	Kolej
Keputusan permohonan kolej samada berjaya atau gagal dikeluarkan	11 Mei 2009	Kolej
Pelajar berjaya dikehendaki menjawab setuju terima tawaran kolej	11 – 23 Mei 2009	Pelajar
Pengurusan Kolej membuat pra- pendaftaran pelajar yang berjaya kolej dan telah klik setuju terima tawaran kolej	23 – 29 Mei 2009	Kolej
Pelajar mula mencetak slip Pra Pendaftaran Kolej untuk dibawa sewaktu mendaftar di kolej	30 Mei 2009	Pelajar

PENUTUP

Diharap mendapat perhatian dan kerjasama dari mahasiswi semua demi untuk kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

AZIZAH HJ YAACOB

Pengurus Asrama Kanan

s.k :
i. Timbalan Naib Canselor HEP
iii. Pegawai Pembangunan Pelajar